



# PELAN STRATEGIK 2012-2015

---

Pendahuluan

Kata Aluan Pengarah

Kerangka PSCKK2015

SENARIO

Latar Belakang

Struktur Dan Fungsi

Hubungkait Bisnes

Halatuju Strategik

NILAI

Nilai-nilai Utama

Isu-isu Yang Dihadapi

Cabaran-cabaran Mendatang

PERNYATAAN VISI DAN MISI 2015

Visi CKK

Misi CKK

TEMA STRATEGIK

Tema 1: Pengurusan Projek Dengan Cemerlang

Tema 2: Cipta-sama Klien

Tema 3: Pusat Kecemerlangan Pembangunan Fasiliti  
Kesihatan

Objektif, Sasaran dan Inisiatif

Peta Strategi CKK 2012-2015

PELAKSANAAN & PEMANTAUAN

CKK Organisasi Berfokuskan Strategi

Menongkah Ke Hadapan

Sekalung Penghargaan

Glosari

Beberapa sesi perbincangan ala-bengkel telah diadakan mulai 19 Mac 2012 hingga 11 Jun 2012, disertai aktif oleh pasukan pengurusan dan pimpinan zon, ke arah menghasilkan dokumen Pelan Strategik CKK 2012-2015 (PSCKK2015) ini.

PSCKK2015 disediakan dengan hasrat mempelawa pihak-pihak berkepentingan menggarap halatuju dan strategi-strategi yang dirangka khusus oleh pengurusan dan anggota CKK bagi memacu kecemerlangan CKK selama 4 tahun ke hadapan.

PSCKK2015 ini juga berperanan sebagai rujukan strategi, agar perancangan dan pelaksanaan strategi boleh digarap di semua peringkat dalam CKK. Ini diaplikasikan dengan menggabungkan format JKR sedia ada seperti Sasaran Kerja Tahunan (SKT) dan Outcome-Based Budgeting (OBB), dengan kaedah pelaksanaan strategi yang merupakan amalan terbaik di peringkat antarabangsa seperti Balanced Scorecard (BSC) dan Strategi Blue Ocean (BOS).



**A**lhamdulillah segala puji bagi Allah SWT, selawat dan salam buat junjungan mulia Rasulullah SAW, ahli keluarga dan para sahabat.

Bersyukur saya ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya Pelan Strategik Cawangan Kerja Kesihatan Tahun 2012-2015 (PSCKK2015) ini dapat diterbitkan sebagaimana yang telah dirancang.

Tahniah dan setinggi – tinggi penghargaan diucapkan kepada semua pihak yang telah memberikan kerjasama dan komitmen yang padu dalam menjayakan PSCKK2015 ini.

PSCKK2015 ini dibangunkan untuk kegunaan sepenuhnya oleh warga Cawangan Kerja Kesihatan (CKK) yang bertindak sebagai agensi pelaksana projek dan pengurus program bagi projek – projek di bawah seliaan dan pengawasan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Penghasilan PSCKK2015 ini adalah diharap dapat membantu semua warga CKK supaya lebih fokus dalam usaha mereliasasikan misi dan visi serta menangani cabaran dan perubahan persekitaran dari dalaman atau luaran. Pelaksanaan dan pemantauan PSCKK2015 bergantung kepada keutuhan iltizam tenaga kerja warga CKK berteraskan kepada nilai – nilai utama dan objektif organisasi yang telah sama –



sama disepakati dan diikrarkan.

Selaras dengan aspirasi Pelan Strategik JKR 2012 - 2015, PSCKK2015 ini adalah diharap dapat memberi manfaat kearah peningkatan sistem penyampaian Cawangan dengan memberi fokus kepada tema PSCKK2015 ini iaitu Penyampaian Projek Cemerlang, Pengalaman Cipta – Sama Pelanggan dan Pusat Kecemerlangan Pembangunan Fasiliti yang merupakan ekspektasi utama pihak pelanggan.

Akhir kata, marilah kita sama – sama berdoa ke hadrat Allah SWT supaya memberi kekuatan hidayah kepada kita untuk mengecapi hasil penyampaian yang menepati tema yang telah ditetapkan. Saya juga berharap agar PSCKK2015 akan dijadikan panduan yang dapat memberi manfaat berguna kepada semua warga CKK agar objektif, visi dan misi dapat dikecapi dengan jayanya. Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Zahar Atan

Pengarah Cawangan Kerja Kesihatan



|                  |                                                                                                                                                                                         |
|------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Senario          | Latarbelakang, struktur dan fungsi CKK sejak ditubuhkan. Mengenalpasti hubungkait bisnes dengan pihak berkepentingan.                                                                   |
| Nilai            | Nilai-nilai utama berkaitan profesionalisme kerja yang menjadi budaya warga kerja CKK. Menganalisa isu dan cabaran yang dihadapi.                                                       |
| Visi dan Misi    | Pernyataan halatuju CKK. Menjadi pencetus pemikiran ke arah perancangan strategik.                                                                                                      |
| Tema Teras       | Tema strategik yang menjadi teras PSCKK2015 ini. Merupakan bidang fokus penghasilan utama CKK.                                                                                          |
| Objektif         | Matlamat-matlamat strategik untuk dicapai oleh CKK dalam masa 4 tahun. Merupakan objektif bersifat <i>Outcome &amp; Output</i> .                                                        |
| Sasaran Prestasi | Sasaran jangka pendek dan jangka panjang (KPI). Mengukur kejayaan PSCKK2015 ini dan pencapaian prestasi CKK beserta warga kerjanya.                                                     |
| Inisiatif        | Pelan tindakan yang mempunyai ciri " <i>quick-wins</i> ", " <i>low-lying fruits</i> ". Paling penting, membawa impak terbaik dalam masa jangka pendek ( <i>Hi-impact Initiatives</i> ). |
| Pelaksanaan      | Pelaksanaan, pemantauan, pelaporan serta semakan semula PSCKK2015 ini. Semakan mengambil kira realiti seperti pencapaian semasa CKK serta dinamisme strategi di JKR.                    |



Cawangan Kerja Kesihatan (dahulunya Cawangan Kerja Perubatan dan Kesihatan) diwujudkan pada tahun 1978 dengan terma rujukan iaitu menyerahkan projek-projek kesihatan dan perubatan yang menepati kualiti, masa dan kos yang ditetapkan. Dalam struktur organisasi JKR, CKK terangkum di bawah Sektor Bisnes.

Kerja-karya infrastruktur atau fasiliti kesihatan mempunyai keunikan sendiri berbanding fasiliti-fasiliti awam lain yang dipertanggungjawabkan kepada JKR. Selain daripada bidang kesihatan dan perubatan dianggap bidang kritikal, peralatan yang canggih, kepakaran modal insannya yang tinggi, juga faktor pengoperasiannya juga memberi implikasi kepada kompleksiti pembangunan.

CKK kini melaksanakan lebih kurang 172 projek hospital, klinik kesihatan, klinik desa, institut, kolej kejururawatan, asrama, pejabat pentadbiran, dan sebagainya. Kerja-karya tersebut kini di pelbagai peringkat pelaksanaan seperti perancangan, rekabentuk, perolehan, tempoh kecacatan, manakala majoritinya di peringkat pembinaan.

Terdapat 245 bilangan perjawatan di CKK di mana 45 peratus adalah dari kumpulan pengurusan dan profesional. Sebanyak 87% daripadanya telah diisi.

# STRUKTUR DAN FUNGSI


Setiap bahagian direkayasa mengambilkira senario Pengurusan Aset Menyeluruh dari peringkat perancangan projek, pembinaan sehingga ke pasca-serahan.

BPK – pengurusan pentadbiran, HR, kewangan, IT, pelaksanaan strategi dan prestasi, kualiti projek, latihan dan kompetensi.


BPP – pengurusan projek dari perancangan hingga serahan.

PMO – Pelaksanaan dasar, pemantauan dan pengurusan prestasi projek. Khidmat nasihat perancangan dan pemastian amalan terbaik pengurusan projek. Pengurusan dokumentasi dan piawaian, pelajaran yang dipelajari, dan penyelarasan statistik projek.

Dalam tempoh pelaksanaan pelan strategik ini, perubahan ke atas struktur dan fungsi CKK akan dibuat dari masa ke masa agar terus memberi impak terbaik.



CKK menjalin hubungan kerja dengan beberapa pihak berkepentingan dalam melaksanakan fungsi. Entiti-entiti tersebut mempunyai hubungkait bisnes secara berterusan dalam aktiviti teras serta inisiatif lain yang dilakukan oleh CKK dari masa ke masa. Hubungkait utamanya diperjelaskan di bawah.



| JKR Sektor Pakar                                         | JKR Negeri        | Warga Kerja                            | Pengguna                                                                      | Rakyat        | Kontraktor                                                                      | Agensi                                                |
|----------------------------------------------------------|-------------------|----------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------|---------------|---------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------|
| Penyediaan rekabentuk dan spesifikasi Perunding Lantikan | Penyediaan Projek | Tugasan Prestasi CKK Kebajikan Latihan | Perancangan Spesifikasi Serahan Kajian Pengguna/ POE Khidmat nasihat teknikal | Isu dan Media | Pasukan projek Serahan Urusan Pembayaran Laporan status Perunding reka dan bina | Kelulusan Merancang (DO) Kelulusan OSC/ PBT Tanah PTG |



*HALATUJU STRATEGIK*

Sebagai salah satu cawangan pangs di JKR yang melaksanakan kerja-kerja pembangunan fasiliti milik klien utama iaitu Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), CKK mempunyai halatuju yang selari malah menyokong Visi dan Misi JKR yang terkandung dalam Kerangka Strategik JKR 2012-2015.

**Nilai-nilai Utama** yang digarap dan dihayati bersama oleh warga kerja CKK, menjadi pasak yang memastikan semua pihak berkepentingan seperti Ibupejabat JKR, Kementerian Kerja Raya, KKM, Kementerian Kewangan, agensi-agensi lain, cawangan-cawangan JKR lainnya, malah rakyat memahami aspirasi CKK.

**Isu-isu** yang telah dan sedang dihadapi di pelbagai peringkat kerja juga berguna untuk diketengahkan kerana ianya berkait rapat dengan penghayatan nilai. Antara isu utama adalah Penyampaian Projek (*Project Delivery*). Satu set strategi khusus telah dirangka bagi menangani isu tersebut (rujuk Isu Yang Dihadapi).

Memahami **Cabaran-cabaran** yang bakal ditempuh memastikan warga kerja CKK sentiasa bersiapsiaga. Manakala **Visi dan Misi** menggambarkan halatuju strategik CKK.

Bertitik tolak daripada itu, **Tema Strategik** menjadi bidang fokus utama mengambilkira Kerangka Strategik JKR, Visi dan Misi CKK serta cabaran-cabarannya. Setiap tema strategik mempunyai hasil atau **Outcome Utama**, serta objektif-okjektif lain.

PSCKK2015 ini menekankan aspek keseimbangan dan kesepaduan antara semua objektif yang digariskan.



**INTEGRITI** Setiap warga kerja CKK memiliki moral yang tinggi dalam setiap tindakan dengan kejujuran, kesaksamaan dan ketelusan.

**AKAUNTABILITI** Amanah terhadap segala tindakan mereka dan secara aktifnya memperbaiki diri menerusi penilaian dan rasa kebertanggungjawaban.

**KERJA BERPASUKAN** Menanam sifat saling menghormati dan kerjasama dalam memastikan adanya sinergi. Komited untuk mencapai visi dan misi, bersama-sama.

**CEMERLANG** Berbangga dengan kualiti projek-projek dan kerja-kerja yang dipertanggungjawabkan, dan menghargai setiap kejayaan, besar mahupun kecil.

**KESERONOKAN BEKERJA** Ghairah dengan kerjaya dan menjadikan tempat kerja menggembirakan dan positif untuk semua.

**KREATIVITI DAN INOVASI** Mencabar pemikiran konvensional dan berkongsi pengetahuan dan idea dengan semangatnya, sesama sendiri dan dengan pihak berkepentingan lain.

# ISU YANG DIHADAPI

Perkara-perkara yang dianggap sebagai kekangan atau isu-isu tuntas dihadapi di pelbagai peringkat projek yang dilaksanakan oleh CKK. Isu-isu itu diklasifikasikan mengikut skop pengawalan oleh CKK sebagai dalaman dan luaran.

| PERINGKAT                                                                                | ISU DALAMAN                                                                                                                                                                                                        | ISU LUARAN                                                                                                                                                                                               |
|------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| • Isu khusus Kelewatan Serahan Projek (PROJECT DELIVERY) - <b>rujuk laman seterusnya</b> |                                                                                                                                                                                                                    |                                                                                                                                                                                                          |
| Brief Projek                                                                             |                                                                                                                                                                                                                    | •Persediaan tapak, penetapan kos siling, medikal brief klien tidak muktamad                                                                                                                              |
| Perancangan                                                                              | <ul style="list-style-type: none"> <li>•Penyelarasan dengan pasukan rekabentuk agak lemah</li> <li>•Kekurangan kompetensi dalaman bagi rekayasa fasiliti kesihatan</li> </ul>                                      | <ul style="list-style-type: none"> <li>•Spesifikasi dan rekabentuk sering menjangkau kos – perubahan hanya berlaku di peringkat pembinaan</li> <li>•Penyelarasan dengan pelbagai agensi lemah</li> </ul> |
| Perolehan                                                                                |                                                                                                                                                                                                                    | •Lewat pengesahan PDA/ ATDA                                                                                                                                                                              |
| Pembinaan                                                                                | <ul style="list-style-type: none"> <li>•Kompetensi pengurusan projek agak lemah</li> <li>•Kekurangan anggota di tapak</li> </ul>                                                                                   | <ul style="list-style-type: none"> <li>•Perubahan terhadap rekabentuk oleh kontraktor/ klien</li> <li>•Perunding lantikan kontraktor kurang kompeten</li> </ul>                                          |
| Keseluruhan                                                                              | <ul style="list-style-type: none"> <li>•Kekuarangan kemahiran softskills</li> <li>•Kekurangan pengalaman</li> <li>•Semangat kerja berpasukan agak lemah</li> <li>•Pengharapan tidak selari dengan klien</li> </ul> | <ul style="list-style-type: none"> <li>•Polisi agak menghalang</li> <li>•Ketidakpuasan klien</li> </ul>                                                                                                  |

# ISU DAN PENYELESAIAN “PROJECT DELIVERY”

*Project Delivery* merupakan isu operasional yang menjangkau semua fasa dalam pembangunan fasiliti kesihatan, termasuk Fasa Perancangan, Rekabentuk, Perolehan, Pembinaan dan Serahan.

## Kerangka Kerja Tindakan (*Action Framework*)

Strategi yang dicadangkan adalah menggunakan pendekatan analisa “*root cause analysis*”, serta mengadaptasi kaedah *Blue Ocean Strategy* (BOS) iaitu *Four Action Framework* yang terdiri daripada faktor atau tindakan bagi Nyahkan (*Eliminate*), Kurangkan (*Reduce*), Tingkatkan (*Raise*) dan Ciptakan (*Create*). Hanya *Raise* dan *Create* diketengahkan di sini.

### PELAN TINDAKAN

#### A. FASA PERANCANGAN

- Tempoh perancangan yang realistik
- PM yang kompeten dengan *softskills*, *management skills* dll
- Budaya berpasukan yang komited terhadap projek

TINGKATKAN (RAISE)

UJUDKAN (CREATE)

- Perlu wujudkan garispanduan *Hospital Planning* (SPG) untuk rujukan pegawai/ KKM
- Mewujudkan anugerah/ penghargaan kepada pasukan yang berjaya menyiapkan projek dengan cemerlang
- Mewujudkan pengkalan data ‘*lesson learnt*’ dan ‘*dos and donts*’ semasa perancangan

#### B. FASA REKABENTUK

- Kompetensi – Perundiing serta JKR
- Inovasi dan Kreativiti
- Piawai dan Garispanduan

TINGKATKAN

UJUDKAN

- Pengkalan data khusus (*personnel competency profiling*)
- Latihan rekabentuk
- Penapisan
- Unit R&D
- Perluaskan *Building Information Management* (BIM)

#### C. FASA PEROLEHAN

- Mantapkan kerjasama berpasukan dengan meningkatkan komunikasi yang lebih berkesan antara HOPT dan HODT

- Projek-projek CKK dibentangkan di Lembaga Tender KKM

## ISU DAN PENYELESAIAN “PROJECT DELIVERY”

- Pendekkan tempoh perolehan (di mana boleh)
- Tambahkan tenaga kerja di kumpulan HODT
- Tempoh kelulusan peruntukan dipendekkan (di pihak klien)

TINGKATKAN

UUUDKNN

- Kajian Semula (*Review*) Tatacara Penilaian Tender JKR

### D. FASA PEMBINAAN

#### KESELURUHAN

- Kelayakan dari aspek Kompetensi
- Kaji semula kaedah penilaian tender

#### MASA

- Tempoh masa munasabah
- Kecekapan membuat keputusan
- Cepatkan penamatan kontrak

#### KUALITI

- Pematuhan ketat spesifikasi
- ITP – *inspection & testing plan*

#### SKOP

- Briff medikal yang jelas

#### KOS

- Kawalan terhadap perubahan skop

TINGKATKAN

NNUDKUU

#### KESELURUHAN

- Ketua/ penolong khusus untuk kontraktor
- Kelas khusus untuk pembinaan projek hospital

#### MASA

- Pelan pemulihan awal

#### KUALITI

-tiada-

#### SKOP

- Brif projek yang dinamik

#### KOS

- Value management– life cycle costing*

### E. SERAHAN

- Dokumen serahan
  - ‘*As built drawing*’
  - Borang kepuasan pelanggan
  - Cawangan Senggara perlu sahkan secara konsisten

TINGKATKAN

NNUDKUU

- POE secara selektif
- Adakan piawai kriteria penerimaan untuk setiap projek

# CABARAN-CABARAN MENDATANG

CKK juga berhadapan dengan cabaran masa depan yang memerlukan kesiapsiagaan, sepertimana disenaraikan di sini.

| Cabaran                                                                            | Dalam | Luar |
|------------------------------------------------------------------------------------|-------|------|
| Menggapai kompetensi yang lebih tinggi                                             |       |      |
| Prihatin perkembangan fasiliti perubatan                                           |       |      |
| Menambah kepakaran dalam perancangan perubatan dan perancangan peralatan perubatan |       |      |
| Bersiapsedia melibatkan diri dalam projek bentuk PFI                               |       |      |
| Menjangkau ekspektasi Klien dan rakyat yang meningkat                              |       |      |
| Menjadi pusat rujukan pembangunan fasiliti kesihatan                               |       |      |
| Membangunkan piawai dan garispanduan pembangunan fasiliti kesihatan                |       |      |
| Menanggung skop yang semakin besar cth. Pengurusan aset                            |       |      |
| Menggunakan ICT yang lebih terkini sebagai alat pengurusan projek                  |       |      |
| Keterlibatan politik dalam pembuatan keputusan dan pentadbiran projek              |       |      |
| Kesiapsiagaan industri dalam Sistem Binaan Bersepadu (IBS) dan keperluan lainnya   |       |      |
| Kecairan dalam melaksanakan polisi-polisi terkini kerajaan yang berkaitan          |       |      |
| Mempertahan nilai kewujudan CKK                                                    |       |      |
| Mengurus hubungan dan komunikasi dengan Klien, rakaniaga, pihak bekepentingan      |       |      |
| Mengurus ilmu tersirat di kalangan warga kerja CKK                                 |       |      |
| Menjinaki pembangunan lestari                                                      |       |      |
| Ketirisan tenaga berpengetahuan dalam JKR & CKK                                    |       |      |

## VISI

Pusat Kecemerlangan Pembangunan Infrastruktur dengan Menggunakan Kreativiti & Inovasi Modal Insan Serta Teknologi Terkini

## MISI

Menjadi Pemberi Perkhidmatan Bertaraf Dunia Dan Pusat Kecemerlangan Dalam Bidang Pengurusan Projek Dan Kejuruteraan Untuk Pembangunan Infrastruktur Kesihatan Dan Perubatan Negara Berteraskan Modal Insan Yang Kreatif Dan Inovatif Serta Teknologi Terkini.



Tema Strategik untuk tempoh PSCKK2015 ini adalah Pengurusan Projek Cemerlang, Pengalaman Cipta-sama Klien, dan Pusat Kecemerlangan Pembangunan Fasiliti Kesihatan.



## **Pengurusan Projek Cemerlang**

Penyampaian berkesan oleh CKK menggunakan kaedah terbaik Pengurusan Projek (PP).



## **Pengalaman Cipta-sama Klien**

Klien merasakan satu pengalaman mengesankan dalam projek-projek mereka dengan penglibatan cipta-sama ("co-create") yang aktif.




## **Pusat Kecemerlangan Pembangunan Fasiliti Kesihatan**

Inovasi digiatkan bagi perkhidmatan utama, di mana CKK menjadi sumber rujukan teknikal dalam pembangunan fasiliti kesihatan.

# “OUTCOME” UTAMA

Bagi setiap Tema Strategik terdapat satu *Outcome* Utama iaitu hasil utama yang bakal dilihat dalam tempoh pelan ini. Kejayaan objektif-objektif lain merupakan pemacu kepada *Outcome* Utama ini.





## *PENGURUSAN PROJEK CEMERLANG*




## *CIPTA-SAMA KLIEN*



## *PUSAT KECEMERLANGAN PEMBANGUNAN FASILITI KESIHATAN*

# TEMA 1: PENGURUSAN PROJEK CEMERLANG

JUARA TEMA: HOPT



1.1 Pengurusan Projek (PM) merupakan bisnis teras JKR. “Lautan merah” ini adalah petunjuk paling jelas akan nilai kewujudan JKR umumnya dan CKK khususnya. Sebagai hasil utama PM, projek disampaikan dan diserahkan dengan cemerlang berdasarkan keperluan klien serta persetujuan, dalam aspek kualiti tinggi, kos terkawal, serta jadual sepertimana ditetapkan.

1.2 Bagi memacu ke arah hasil utama tersebut, CKK akan menambahbaik pemantauan projek serta pengurusan bersepadu dengan pemantauan berkala dan audit berterusan ke atas semua proses PM, untuk memastikan kelemahan dikenalpasti dan diperbetulkan.

1.3 Adalah strategik bagi CKK juga untuk mengaplikasi dengan lebih konsisten amalan terbaik *Total Project Management* yang mampu menambahbaik pemantauan serta kualiti projek.

1.4 Aplikasi Amalan Terbaik hanya berkesan apabila pengurusan risiko projek (PRM) diamalkan. CKK akan memastikan proses PRM diterapkan secara berterusan dalam projek semasa dan akan datang.

## OBJEKTIF T1.1

### Penyampaian Cemerlang Projek

---

KPI 1.1 Peratusan Serahan Projek Ikut Jadual (+3 bulan pasca-CPC)

- Pemilik KPI: PCKK
- Sasaran: 2012: 60%  
2015: 70%

Inisiatif 1: Tubuh mekanisme *healthcheck* projek, iaitu pasukan Early Warning – projek berpotensi lewat (selaras prosidur PHC)

- Akauntabiliti: HOPT
- Jangkamasa Siap: 1 Bulan

Inisiatif 2: Mengerahkan “Pasukan Khas Penyampaian Projek” (PDTF) untuk projek sakit

- Akauntabiliti: PMO
- Jangkamasa Siap: dalam masa 1 Bulan

## Menambahbaik Sistem Pengurusan Bersepadu (IMS)

---

KPI 1.2A Bil. NCR Berulang  
yang diterima

- Pemilik KPI: BPK
- Sasaran: 2012:  $\leq 2$   
2015: 0

Inisiatif 1: Mendokumenkan  
*Lessons Learnt*

- Akauntabiliti: PMO
- Jangkamasa Siap: Dis 2012

Inisiatif 2: Mengadakan  
bengkel penambahbaikan  
IMS

- Akauntabiliti: BPK
- Jangkamasa Siap: Dis 2012

## OBJEKTIF T1.2B

### Menambahbaik Pemantauan Projek

KPI 1.2B.1 Bil. NCR  
Berulang yang dikeluarkan

- Pemilik KPI: HOPT
- Sasaran: 2012: <5  
2015: <2

KPI1.2B.2 % Varian Jadual  
Secara Bulanan

- Pemilik KPI: PMO
- Sasaran: 2012: 15% atau 45 hari  
2015: 10% atau 30 hari

Inisiatif 1: Serah Laporan  
“Audit Pembinaan” Setiap  
Bulan

- Akauntabiliti: HOPT
- Jangkamasa Siap: Setiap Bulan (berterusan)

## Mengaplikasi Amalan Terbaik Pengurusan Projek Secara Total

KPI1.3 Tahap *PM Maturity Level* diperolehi atau dicapai (rujuk rajah di bawah)

- Pemilik KPI: PMO
- Sasaran: 2012: Level 2.5  
2015: Level 3

Inisiatif 1: Nilai/ Audit tahap *PM Maturity* berdasarkan piawaian PMM2 dan PROKOM

- Akauntabiliti: PMO
- Jangkamasa Siap: 6 bulan



Table 2. Major Organizational Characteristics of (PM)<sup>2</sup> Model

| Maturity level | Major organizational characteristics                                                                                              |
|----------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Level 5        | Project-driven organization<br>Dynamic, energetic, and fluid organization<br>Continuous improvement of PM processes and practices |
| Level 4        | Strong teamwork<br>Formal PM training for project team                                                                            |
| Level 3        | Team oriented (medium)<br>Informal training of PM skills and practices                                                            |
| Level 2        | Team oriented (weak)<br>Organizations possess strengths in doing similar work                                                     |
| Level 1        | Functionally isolated<br>Lack of senior management support<br>Project success depends on individual efforts                       |

Table 1. Key Project Management (PM) Processes of (PM)<sup>2</sup> Model

| Maturity level | Key PM processes                                                                                                                                |
|----------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Level 5        | PM processes are continuously improved<br>PM processes are fully understood<br>PM data are optimized and sustained                              |
| Level 4        | Multiple PM (program management)<br>PM data and processes are integrated<br>PM processes data are quantitatively analyzed, measured, and stored |
| Level 3        | Formal project planning and control systems are managed<br>Formal PM data are managed                                                           |
| Level 2        | Informal PM processes are defined<br>Informal PM problems are identified<br>Informal PM data are collected                                      |
| Level 1        | No PM processes or practices are consistently available<br>No PM data are consistently collected or analyzed                                    |

Assessment covers 3 Dimensions:

- ☐ Key PM Processes in place
- ☐ Organizational Characteristics
- ☐ Focus Areas in implementation

## OBJEKTIF T1.4

### Meningkatkan Pengurusan Risiko Projek (PRM)

---

KPI 1.4 Peratusan Projek yang melaksanakan PRM

- Pemilik KPI: HOPT
- Sasaran: 2012: 100% projek  $\geq$  RM50M, 50% semua projek  
2015: 100% semua projek

Inisiatif 1: Jadikan PRM agenda setiap mesyuarat projek dan kemaskini *Risk Register* secara konsisten, selaras dengan PMP

- Akauntabiliti: HOPT
- Jangkamasa Siap: 3 bulan




## *PENGURUSAN PROJEK CEMERLANG*



## *CIPTA-SAMA KLIEN*



## *PUSAT KECEMERLANGAN PEMBANGUNAN FASILITI KESIHATAN*



2.1 Hasil utama Tema ini adalah klien CKK amat berpuashati. Harapan atau ekspektasi mereka mampu dipenuhi, malah ada yang dapat dijangkau. Ianya bermula dengan CKK memahami dengan lebih jelas akan keperluan klien, bermula dengan perkara yang didokumen dalam *Medical Brief*, hingga kepada keperluan dan kehendak mereka yang tidak didokumen.

2.2 Maka penting untuk pasukan projek mengamalkan teknik komunikasi berkesan dengan wakil klien. Ini bagi mengelakkan salah faham sepanjang projek.

2.3 Adalah strategik juga untuk CKK memperkemas proses penglibatan (*engagement*) wakil Klien secara aktif mulai peringkat awal lagi, termasuk peringkat pembinaan, mengatasi tahap penglibatan biasa. Ini secara langsung meningkatkan kepuasan klien.

Hubungan di semua peringkat kedua-dua organisasi juga penting, dalam dan luar skop hubungan rasmi projek.

2.4 Bagi menyokong komunikasi efektif dengan klien, CKK terus memperkukuhkan komunikasi dalaman, khususnya dengan sektor-sektor lain dalam JKR yang memberikan khidmat sokongan kepada projek –projek CKK.

## OBJEKTIF T2.1

### Klien Yang Amat Berpuashati

KPI 2.1A Peratusan responden kajiselidik dari KKM yang memberikan skor 80% ke atas

- Pemilik KPI: BPK
- Sasaran: 2012: 70%  
2015: 90%

KPI 2.1B Skor Untuk Laporan POE

- Pemilik KPI: PMO
- Sasaran: 2012: 70%  
2015:

Inisiatif 1: Lakukan kajiselidik kepuasan pelanggan secara berkala untuk projek terpilih

- Akauntabiliti: BPK
- Jangkamasa Siap: 1 Bulan

Inisiatif 2: Lakukan POE untuk sekurang-kurangnya 1 projek setiap tahun

- Akauntabiliti: PMO
- Jangkamasa Siap: Dis 2012

## Meningkatkan Komunikasi dan Hubungan Akrab dengan Klien

KPI 2.2 Bilangan mesyuarat koordinasi CKK-KKM setahun

- Pemilik KPI: PMO
- Sasaran: 2012: 2  
2015: 4

Inisiatif 1: Perkenal perbincangan ala-bengkel dengan resolusi dalam mesyuarat

- Akauntabiliti: PMO
- Jangkamasa Siap: Dis 2012

Inisiatif 2: Aktifkan laman web CKK (*client portal*)

- Akauntabiliti: BPK
- Jangkamasa Siap: Dis 2012

## OBJEKTIF T2.3

### Menggalakkan Penglibatan Aktif Klien

---

KPI 2.3 Peratusan penglibatan yang aktif oleh klien dalam projek-projek semasa

- Pemilik KPI: PCKK
- Sasaran: 2012: 80%  
2015: 100%

Inisiatif 1. Pengarah menjalin lebih *rapport* dengan klien

- Akauntabiliti: PCKK
- Jangkamasa Siap: Dis 2012

Inisiatif 2. Laksanakan BIM dalam projek

- Akauntabiliti: HOPT
- Jangkamasa Siap: 2012

## OBJEKTIF T2.4

### Mengukuhkan Komunikasi Dalaman

---

KPI 2.4 Peratusan  
*expectation* CKK terhadap  
komitmen pasukan HODT  
dipenuhi

- Pemilik KPI: HOPT
- Sasaran: 2012: 90%  
2015: 95%

Inisiatif 1: Sesi pemukiman  
bersama HOPT, HODT dan  
wakil Penyelia Projek

- Akauntabiliti: HOPT
- Jangkamasa Siap: Dis 2012



*PENGURUSAN PROJEK CEMERLANG*



*CIPTA-SAMA KLIEN*



***PUSAT KECEMERLANGAN  
PEMBANGUNAN FASILITI KESIHATAN***

# TEMA 3: *PUSAT KECEMERLANGAN PEMBANGUNAN FASILITI KESIHATAN*

JUARA TEMA: PMO



3.1 Matlamat menjadikan CKK Pusat Rujukan adalah seiring dengan hasrat JKR sendiri untuk menjadi pusat kecemerlangan teknikal (COTE) di Malaysia.

lanya mampu dicapai apabila CKK tersohor sebagai rujukan pembangunan fasiliti kesihatan, menerusi penerbitan, persidangan, perundingan dan penyelidikan.

3.2 Fasiliti Kesihatan yang dipertanggungjawabkan kepada CKK di masa depan akan lebih menitikberatkan komponen kelestarian.

3.3 Selain itu, CKK dirujuk untuk mendapatkan rekabentuk, produk serta penyelesaian berinovatif, mengambil kira teknologi terkehadapan dalam sektor pembinaan dan perubatan.

3.4 CKK akan meningkatkan kemampuan melaksanakan penyelidikan dan pembangunan (R&D) sebagai satu pra-syarat pembangunan lestari dan inovatif.

3.5 Untuk mengukuhkan R&D dalam pembangunan fasiliti yang lestari, CKK perlu mengadakan perkongsian pintar dengan pengamal ("practitioners") yang mempunyai pengalaman. Kerjasama juga dijalin dengan pusat-pusat penyelidikan lain seperti universiti dan COE.

3.6 Harta intelek CKK seperti sistem dan pengkalan data pengurusan pengetahuan dan kandungan pengurusan pengetahuan juga akan ditambahbaik. Perkongsian aplikasi ECKM akan melonjakkan peranan CKK sebagai pusat rujukan.

3.7 Di samping itu, CKK akan mengoptimumkan pemindahan teknologi dalam setiap projek untuk manfaat bersama klien.

## CKK sebagai Rujukan Pembangunan Fasiliti Kesihatan Yang Berinovatif

KPI 3.1 Bilangan kertas kerja yang diterbitkan / dibentangkan

- Pemilik KPI: PCKK
- Sasaran (internal dan lokal): 2012: 2  
2015: 5
- Sasaran (antarabangsa): 2012: 1  
2015: 2

Inisiatif 1: Mengambil bahagian dalam seminar dan persidangan

- Akauntabiliti: BPK
- Jangkamasa Siap: 12 bulan

KPI 3.2 Peratusan Projek CKK yang direkabentuk mempunyai elemen kelestarian

- Pemilik KPI: PCKK
- Sasaran: 2012: 20%  
2015: 80%

Inisiatif 1: Keperluan lestari dimasukkan dalam kontrak baru

- Akauntabiliti: HOPT
- Jangkamasa Siap: 2012

## Membangun Rekabentuk dan Penyelesaian Yang Inovatif

KPI 3.3 Bilangan Piawai dan Garispanduan yang Diterbitkan

- Pemilik KPI: PCKK
- Sasaran: 2012: 1  
2015: 5

Inisiatif 1. Mengenalpasti, melatih *research method* dan memberi tugas buku *Coffee Table "Innovative and Sustainable Health Facility"*

- Akauntabiliti: BPK
- Jangkamasa Siap: 12 months

*Meningkatkan Keupayaan Penyelidikan dan Pembangunan*

---

KPI 3.4 Bilangan Projek Inovasi

- Pemilik KPI: PCKK
- Sasaran: 2013: 1  
2015: 5

Inisiatif 1. Mewujudkan pasukan R&D di CKK

- Akauntabiliti: BPK
- Jangkamasa Siap: 12 bulan

*Perkongsian Pintar dengan Pakar Kelestarian*

KPI 3.5A Bilangan Projek Kolaborasi / Acara dengan Pakar Kelestarian (penyelidik, pensyarah, perunding)

- Pemilik KPI: PCKK
- Sasaran: 2012: 1  
2015: 3

KPI 3.5B Bilangan Bengkel/ Seminar/ Persidangan/ Lawatan secara Kolaborasi dengan Universiti / Institut/ Pusat Penyelidikan (sebagai AJK atau pembentang)

- Pemilik KPI: BPK
- Sasaran: 2012: 1  
2015: 3

Inisiatif 1. Mengenalpasti pakar kelestarian yang sesuai

- Akauntabiliti: BPK
- Jangkamasa Siap: Dis 2012

Inisiatif 2. Mengemukakan kertas cadangan mengenai hasrat kolaborasi

- Akauntabiliti: BPK
- Jangkamasa Siap: Dis 2012

Inisiatif 1. Menyediakan kertas cadangan perancangan untuk kerjasama

- Akauntabiliti: BPK
- Jangkamasa Siap: Dis 2012

KPI 3.6 Bilangan kemaskini  
online buletin *Health*  
*Facility*

- Pemilik KPI: BPK
- Sasaran: 2012: 1 kali  
2015: 4 kali

Inisiatif 1. Bekerjasama  
dengan BTM bagi  
menghasilkan *Room Data*  
*base System*

- Akauntabiliti: HOPT
- Jangkamasa Siap: 12 bulan

## OBJEKTIF T3.7

### *Mengoptimumkan Pemindahan Teknologi*

---

KPI 3.7 Bilangan  
Kursus/Latihan/Lawatan  
menggunakan kemudahan  
Latihan

- Pemilik KPI: BPK
- Sasaran: 2012: 2  
2015: 5


Inisiatif 1. Mengenalpasti  
calon serta kursus/latihan/  
lawatan yang sesuai

- Akauntabiliti: BPK
- Jangkamasa Siap: 3 Bulan

Terdapat beberapa matlamat tambahan yang bertindak sebagai objektif pemangkin (*enablers*”, dilihat dari perspektif Modal Insan, Teknologi dan Budaya. Peranan objektif-objektif ini adalah untuk melengkapkan eko-sistem perancangan agar semua faktor strategik diambilkira.

|                                                                                                                                                                   |                                                                                                                                                         |                                                                                                                        |                                                                                                                                                                   |
|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <p><b>T4.1 Membangunkan Kompetensi Strategik:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>PM dan Auditor</i></li> <li>• <i>Health Facility</i></li> </ul> | <p><b>T4.2 Melahirkan Pakar-Pakar :</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Health Facility</i></li> <li>• <i>Sustainability</i></li> </ul> | <p><b>T4.3 Mengaplikasi Teknologi / Sistem Terkini</b></p>                                                             | <p><b>T4.4 Menyuburkan Budaya Positif dan Sihat:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Customer-centric</i></li> <li>• <i>Innovative</i></li> </ul> |
| <p>CKK menambah keupayaan kompetensi teras dan sokongan</p>                                                                                                       | <p>Pakar-pakar dalam dipersiap</p>                                                                                                                      | <p>CKK meningkatkan aplikasi &amp; integrasi sistem</p>                                                                | <p>Budaya yang mampu menjana transformasi disuburkan</p>                                                                                                          |
| <p><b>KPI 4.1 Bilangan warga kerja yang ditauliah</b></p>                                                                                                         | <p><b>KPI 4.2 Bilangan pakar yang ada di CKK</b></p>                                                                                                    | <p><b>KPI 4.3 Tahap penggunaan aplikasi dan teknologi terkini</b></p>                                                  | <p><b>KPI 4.4A Indeks Kepuasan Anggota CKK (<i>Employee Engagement Index</i>)</b></p>                                                                             |
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pemilik KPI: BPK</li> <li>• Sasaran: 2012: 3 (baharu) 2015: 5</li> </ul>                                                 | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pemilik KPI: PCKK</li> <li>• Sasaran: 2012: 1 2015: 4</li> </ul>                                               | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pemilik KPI: PMO</li> <li>• Sasaran: 2012: 80% 2015: 100%</li> </ul>          | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pemilik KPI: BPK</li> <li>• Sasaran: 2012: 7 of 10 2015:</li> </ul>                                                      |
| <p><b>Inisiatif 1. Mendaftar calon dalam kursus yang dikenalpasti</b></p>                                                                                         | <p><b>Inisiatif 1. Memberi insentif dan pengiktirafan (<i>Reward &amp; Recognition</i>)</b></p>                                                         | <p><b>Inisiatif1. Penambahbaikan integrasi sistem khususnya melalui teknologi <i>mobile</i></b></p>                    | <p><b>KPI 4.4B Bilangan Surat Penghargaan yang diterima daripada klien</b></p>                                                                                    |
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• Akauntabiliti: BPK</li> <li>• Jangkamasa Siap: 6 bulan</li> </ul>                                                        | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Akauntabiliti: BPK</li> <li>• Jangkamasa Siap: 12 bulan</li> </ul>                                             | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Akauntabiliti: <i>via</i> BTM</li> <li>• Jangkamasa Siap: Dis 2012</li> </ul> | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pemilik KPI: PCKK</li> <li>• Sasaran: 2012: 2 2015:</li> </ul>                                                           |
| <p><b>Inisiatif 2. <i>Industry attachment</i> dalam sektor yang menekankan aspek “<i>Sustainability Development</i>”</b></p>                                      |                                                                                                                                                         |                                                                                                                        | <p><b>Inisiatif 1. Mengadakan program kekeluargaan dan/ atau “<i>team glueing</i>”</b></p>                                                                        |
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• Akauntabiliti: BPK</li> <li>• Jangkamasa Siap: 6 bulan</li> </ul>                                                        |                                                                                                                                                         |                                                                                                                        | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Akauntabiliti: BPK</li> <li>• Jangkamasa Siap: Dis 2012</li> </ul>                                                       |

# PETA STRATEGI CKK 2012-2015





## CKK Menjadi Organisasi Berfokus Strategi

CKK bertekad menjadi organisasi berfokus strategi (SFO). Ciri-ciri SFO sebagaimana disebutkan oleh Prof. Robert S. Kaplan dan Dr. David Norton (sumber: *"The Strategy Focused Organisation"*, Harvard Press 2003). Ini bermakna CKK akan mengambil langkah-langkah berikut:-


1. Memobilisasikan perubahan menerusi kepemimpinan eksekutif.
2. Menterjemahkan strategi-strategi yang terdapat di sini ke dalam bentuk operasi.
3. Menjajarkan organisasi dengan strategi yang dirangka.
4. Memotivasikan warga kerja CKK agar strategi menjadi tanggungjawab semua.
5. Meneruskan usaha agar tadbirurus strategi menjadi proses yang dinamik dan berterusan.



# PELAKSANAAN & PEMANTAUAN

## Pelaksanaan

Gambaran umum pelaksanaan PSCKK2015 ini adalah seperti tertera di bawah.



## Pemantauan

Jawatankuasa Pengurusan Strategi (SMC) terletak di bawah BPK. Terdapat beberapa peranan yang boleh dimainkan oleh SMC (lihat rajah), namun fungsi utamanya lebih kepada memastikan perancangan objektif, KPI dan inisiatif dilaksanakan di segenap organisasi, mengikut ketetapan, jadual dan garispanduan yang ditetapkan.

Kepakaran dalam aspek pemikiran dan perancangan strategik, scorecard, komunikasi dan pengurusan program dan risiko perlu dipertingkatkan di kalangan warga kerja CKK.

**Figure 2: The Office of Strategy Management – Roles & Responsibilities**

|                   | STRATEGY MANGEMENT PROCESS                                                                                | OSM Role           |
|-------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------|
| Core Rules        | 1 Scorecard Management – Design and report on the BSC measures                                            |                    |
|                   | 2 Organization Alignment – Ensure all business and support units are aligned with the strategy            |                    |
|                   | 3 Strategy Reviews – Shape the agenda for management strategy review and learning meetings                |                    |
| Desirable Rules   | 4 Strategic Planning – Help the CEO and executive team formulate and adapt the strategy                   |                    |
|                   | 5 Strategy Communication – Communicate and educate employees about the strategy                           |                    |
|                   | 6 Initiative Management – Identify and oversee management of strategic initiatives                        |                    |
| Integrative Rules | 7 Planning/Budgeting – Link financial, human resources, information technology, and marketing to strategy | CFO, HRO, CIO, CMO |
|                   | 8 Workforce Alignment – Ensure all employee's goals, incentives and development plans link to strategy    | HRO                |
|                   | 9 Best Practice Sharing – Facilitate a process to identify and share best practices                       | CKO                |

**KEY**

- OSM must run the process
- OSM should run the process
- OSM integrates strategy to a process run by someone else (X)

CFO: Chief Financial Officer  
HRO: Human Resource Officer  
CIO: Chief Information Officer  
CMO: Chief Marketing Officer  
CKO: Chief Knowledge Officer

© 2005 Balanced Scorecard Collaborative, Inc. • bscsl.com.

Perancangan PSCKK2015 ini perlu disusuli dengan keyakinan oleh semua pihak berkepentingan, terhadap kemampuan CKK mengorak kejayaannya. Keyakinan tersebut menjadi pemangkin bagi warga kerja CKK merealisasikan pelaksanaan di peringkat operasi dan projek, seterusnya menunjukkan pencapaian memberangsangkan, berdasarkan strategi dan sasaran yang digariskan di sini.

PSCKK2015 ini menjadi wadah komunikasi yang utama bagi pengurusan dan warga kerja CKK terutama dalam perbincangan halatuju serta cabaran yang dihadapi. Laporan interim pencapaian akan diserahkan kepada pihak berkepentingan secara berkala.

Semakan semula PSCKK2015 akan dilakukan khususnya melihat semula sasaran KPI dan inisiatif setiap 12 bulan.

**PSCKK2015** tidak mungkin dapat dihasilkan tanpa kerja keras dan buah fikiran serta komitmen mereka yang tersenarai di sini.

1. Zahar Atan, Pengarah
2. Ir. Roziah Ahmad, KPPK
3. Ab. Hamid Ismail, KPPK
4. Ar. Osman Hj Dawan, KPPK
5. Azman Abdul Manaf, KPPK
6. Cik Selmah Ahmad, KPPK
7. Hj Mohd Wahi Hasan, KPPK
8. Hisam Ismail, KPPK
9. Ir. Noliah Abu Yamin, KPPK
10. Aishah Rohaya Baba, KPPK
11. Mohd Subki Ahmad Said, KPPK
12. Ir. Poh Ah Ba, KPPK
13. Ir. Ruslan Abd Aziz, KPPK
14. Ir. Ismail Che Ros, KPPK
15. Roziah Md Saad, KPPK
16. Wan Mohd Saipallah Wan Kadir, KPPK
17. Muhammad Hussien Abdul Rahman, KPP
18. Ir. Mohamed Amin Kasim, KPP
19. Suzana Punari, KPP
20. Ir. Pauzi Mohamad, KPP
21. Zuhairi Manaf, KPP
22. Ahmad Roslan Bidin, KPP
23. Mat Najib Md. Dawan, KPP
24. Hj Rahmat Hj Ab Rahman, KPP
25. Rohaya Abdul Mois, KPP
26. Dr. Hasli Ibrahim, PPK
27. Muhammad Khazani Abd Rahman, PPK
28. Mazlan Mustafa, PPK
29. Ir. Roslan Mat Sapri, PPK
30. Noriah Abu Bakar, PPK
31. Syed Mohd Khair Syed Mohd Jiplus, PPK
32. Mohd Arzaleigh Abd Rahman, PPK
33. Shirin Idora Mahmud, PPK
34. Sharifah Nor Aeiriza Syed Sharom, PPK
35. Mohd Azmi Asif, PPK
36. Maznida Shahila Mat Salleh, PPK
37. Ruaidah Idris, PPK
38. Hj Mohammad Farijal Hj Othman, PPK
39. Zainuddin Che Rodi, PPK
40. Rohaimi Mansor, PPK
41. Muhammad Yusri Hamid, PPK
42. Mohd Azhar Abdullah, PP
43. Wan Mohd Shukri Alias, PP
44. Mat Amir Yaacob, PP
45. Nik Zainurin Nik Ibrahim, PP
46. Umi Adzmira Zawawi, PP
47. Nor Hayati Mahat, PP
48. Noor Hafiza bt. Dahalim, PPK
49. Fadhlia Mohamed Nordin, PP
50. En Rusdi Mohamad, KPPK

|           |                                                |                                    |
|-----------|------------------------------------------------|------------------------------------|
| ATDA      | <i>As-Tendered Detailed Abstract</i>           |                                    |
| BTM       | Bahagian Teknologi Maklumat JKR                |                                    |
| DO        | <i>Development Order</i>                       | Arahan Pembangunan                 |
| ECKM      | <i>Enterprise Content Knowledge Management</i> | Sistem Pengurusan Pengetahuan JKR  |
| EOT       | <i>Extension Of Time</i>                       | Lanjutan Tempoh                    |
| HODT      | <i>Head of Design Team</i>                     | Bahagian Perancangan Projek        |
| HOPT      | <i>Head of Project Team</i>                    | Bahagian Pengurusan Projek         |
| IBS       | <i>Industrial Building System</i>              | Sistem Bangunan Industri           |
| KPI       | <i>Key Performance Indicator</i>               | Ukuran Prestasi Utama              |
| MOH       | <i>Ministry of Health</i>                      | Kementerian Kesihatan Malaysia     |
| NCR       | <i>Non-Compliance Record</i>                   | Rekod Tidak-Patuh                  |
| OBB       | <i>Outcome-Based Budgeting</i>                 | Bajet Berasaskan Hasil             |
| OSC       | <i>One-Stop Centre</i>                         | Pusat Sehenti                      |
| PBT       | Pihak Berkuasa Tempatan                        |                                    |
| PDA       | <i>Preliminary Detailed Abstract</i>           |                                    |
| PDTF      | <i>Project Delivery Task Force</i>             |                                    |
| PHC       | <i>Project Health Check</i>                    |                                    |
| POE       | <i>Post-Occupancy Evaluation</i>               | Penilaian Penggunaan               |
| PROKOM    | Cawangan Pengurusan Projek Kompleks            |                                    |
| PSCKK2015 | Pelan Strategik CKK 2012-2015                  |                                    |
| PTG       | Pejabat Tanah dan Galian                       |                                    |
| R&D       | <i>Research and Development</i>                | Penyelidikan dan Pembangunan       |
| SMC       | <i>Strategy Management Committee</i>           | Jawatankuasa Pengurusan Strategi   |
| SPG       | <i>Standards, Procedures and Guidelines</i>    | Piawain, Prosidur dan Garispanduan |
| VO        | <i>Variation Order</i>                         | Pesanan Tambahan                   |



Disediakan oleh:

Bahagian Pengurusan Korporat  
Cawangan Kerja Kesihatan  
Aras 27, Centrepont North  
Mid Valley City, 59200  
Kuala Lumpur, MALAYSIA  
Tel: +603- 92352701 Faks: +603-22873054